

GARIS PANDUAN PENGANJURAN KARNIVAL JUALAN OLEH BADAN PELAJAR

1. **Mendapat kelulusan dari Pusat Keusahawanan dan Pengurusan Kolej Kediaman** bagi pengesahan jenis perniagaan, tarikh dan lokasi perniagaan.
2. Membuat permohonan menggunakan **sistem aplikasi atas talian di e-comm>student activity application** seperti dalam **PERATURAN MENJALANKAN AKTIVITI PELAJAR**.
3. Badan pelajar perlu memahami dan melaksanakan peraturan penganjuran jualan yang telah ditetapkan oleh **Pusat Keusahawanan dan Pengurusan Kolej Kediaman**.
4. Membentangkan kertas kerja penganjuran kepada Unit Aktiviti & Badan pelajar, JHEPA untuk mendapatkan **kelulusan menjalankan aktiviti**.
5. Badan Pelajar perlu membuat taklimat kepada pihak peniaga berkenaan syarat / peraturan penjualan dan kebersihan kawasan perniagaan sebelum aktiviti jualan bermula.
6. Kegagalan Badan Pelajar dalam mengawal selia program jualan makanan yang dianjurkan boleh dikenakan tindakan demerit oleh Unit Aktiviti & Badan Pelajar, JHEPA.
7. Badan Pelajar yang menganjurkan program jualan perlu membuat pemantauan kebersihan semasa program jualan berlangsung bagi memastikan kebersihan kawasan karnival.
8. Terma dan syarat berkenaan perniagaan, tarikh dan lokasi perniagaan adalah tertakluk kepada terma dan syarat **Pusat Keusahawanan dan Pengurusan Kolej Kediaman**.